

KHUTBAH JUMAAT

“SEBELUM TERLAMBAT”

(18 September 2026M/ 06 Rabiulakhir 1448H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمٍ لَا تُعَدُّ وَلَا تُحْصَى، وَأَمَرَنَا بِالطَّاعَةِ
وَالْتَّقْوَى. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ الْعُمَرَ أَمَانَةٌ،
وَأَنَّ الْوَقْتَ مَسْئُولٌ عَنْهُ، وَأَنَّ الْمَوْتَ حَقٌّ لَا مَفَرَّ مِنْهُ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya kehidupan yang kita nikmati pada hari ini merupakan anugerah Allah *subhanahu wata'ala* yang amat bernilai. Setiap detik yang berlalu tidak akan kembali, setiap umur yang berkurang membawa kita semakin dekat kepada penghujung kehidupan, dan setiap kesempatan yang diberikan Allah *subhanahu wata'ala* merupakan amanah yang akan dipersoalkan.

Marilah kita mengambil kesempatan pada hari yang penuh keberkatan ini untuk membuka hati dan minda, serta memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Hayatilah

setiap nasihat dan pengajaran yang disampaikan dengan hati yang tenang agar dapat kita manfaatkan dalam kehidupan seharian. Justeru, marilah kita bersama-sama menjaga adab sepanjang khutbah berlangsung dengan mengelakkan percakapan, perbuatan yang sia-sia serta penggunaan telefon bimbit yang boleh mengganggu tumpuan dan menghilangkan kesempurnaan solat Jumaat. Khutbah pada hari ini mengajak kita sama-sama berfikir dan merenung sejenak tentang kehidupan kita, dengan tema **“Sebelum Terlambat.”**

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pernahkah kita bertanya kepada diri sendiri: Jika hari ini merupakan hari terakhir kita hidup, apakah kita sudah benar-benar bersedia untuk bertemu dengan Allah *subhanahu wata'ala*? Persoalan ini mungkin kelihatan berat, namun suatu hakikat yang pasti.

Kita tidak mengetahui berapa lama lagi usia yang Allah *subhanahu wata'ala* pinjamkan kepada kita. Kita merancang untuk hari esok, menyimpan cita-cita untuk tahun hadapan, merancang kehidupan anak-anak dan keluarga, tetapi kita tidak pernah mengetahui sama ada kita akan sempat menikmati hari esok tersebut. Kematianlah menjadi salah satu destinasi perjalanan yang pasti akan dilalui oleh setiap daripada kita. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah Ali 'Imran, ayat 185:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۖ وَإِنَّمَا تُوَفَّقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ ۖ فَمَنْ زُحْزِحَ عَنِ النَّارِ وَأُدْخِلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ ۖ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتَاعُ الْغُرُورِ (١٨٥)

Maksudnya: *Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahawasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya. Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Perkara yang sering menjadi masalah bukanlah kerana kita tidak mengetahui bahawa kematian itu pasti. Kita mengetahuinya. Kita menghadiri solat jenazah. Kita menziarahi orang yang meninggal dunia. Kita melihat sendiri bagaimana seseorang yang semalam masih bersama kita, hari ini telah kembali menghadap Allah *subhanahu wata'ala*.

Namun, selepas jenazah dikebumikan, kita kembali kepada kehidupan seperti biasa. Kita berkata: "Nanti aku bertaubat." "Nanti aku perbaiki solat." "Nanti aku baca al-Quran." "Nanti aku bayar hutang." "Nanti aku minta maaf." "Nanti aku lebih banyak luangkan masa bersama keluarga." Persoalannya, berapa lama lagi kita akan mempunyai kesempatan untuk berkata "nanti"? Jangan sampai perkataan "nanti" menjadi penyesalan yang tidak lagi mempunyai kesempatan untuk diperbaiki. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah al-Munafiqun, ayat 10 yang bermaksud:

"Dan belanjakanlah sebahagian daripada rezeki yang telah Kami berikan kepadamu sebelum kematian datang kepada salah seorang

antara kamu, (kalau tidak) maka (pada saat itu) dia akan merayu dengan berkata, “Wahai Tuhanku, sekiranya engkau berkenan menangguhkan kematianku sedikit waktu lagi, maka aku akan bersedekah dan aku akan menjadi orang yang soleh!”

Ayat tadi menggambarkan penyesalan manusia apabila peluang telah berakhir. Ketika itu, dia bukan meminta kekayaan, bukan meminta pangkat dan bukan meminta tambahan kesenangan dunia. Dia hanya meminta sedikit masa untuk melakukan amal soleh. Tetapi ketika itu, masa sudah tidak boleh dikembalikan.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Maka, apakah yang perlu kita lakukan sebelum terlambat?

Pertama: Bertaubatlah sebelum terlambat.

Tidak ada manusia yang tidak pernah melakukan kesalahan. Kita mungkin pernah meninggalkan kewajipan, melakukan dosa, menyakiti hati orang lain atau lalai daripada mengingati Allah *subhanahu wata'ala*. Jangan biarkan dosa yang sama berulang tanpa usaha untuk berubah. Allah *subhanahu wata'ala* membuka pintu taubat seluas-luasnya kepada hamba-hamba-Nya. Jangan menunggu menjadi baik untuk bertaubat. Bertaubatlah supaya kita menjadi lebih baik. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah al-Zumar, ayat 53 yang maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad), “Wahai sekalian hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah

kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa! Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Kedua: Perbaikilah solat sebelum terlambat.

Solat merupakan tiang agama dan hubungan utama seorang hamba dengan Allah *subhanahu wata'ala*. Jangan hanya menjaga solat ketika hati tenang, ketika berada di masjid atau ketika menghadapi kesusahan. Jadikan solat sebagai keutamaan dalam kehidupan. Jika selama ini solat kita masih tidak sempurna, mulakan memperbaikinya hari ini. Jika selama ini kita sering lewat, usahakan untuk menjaga waktunya. Jika selama ini hati kita lalai, usahakan untuk menghadirkan hati. Jangan menunggu usia tua untuk menjadi hamba Allah *subhanahu wata'ala* yang taat.

Ketiga: Perbaikilah hubungan sesama manusia sebelum terlambat.

Ada orang yang kita belum maafkan. Ada orang yang mungkin kita sakiti. Ada ibu bapa yang mungkin semakin tua tetapi jarang kita kunjungi. Ada pasangan yang mungkin hidup bersama kita tetapi kurang mendapat perhatian. Ada anak-anak yang mungkin membesar di hadapan mata kita, tetapi kita terlalu sibuk sehingga tidak sempat mendengar cerita mereka.

Beginilah hakikat yang dilalui dalam kehidupan kita. Bila kehilangan baru kita menghargai. Ibu bapa tiada baru kita merindui. Pasangan pergi baru kita menyedari nilainya. Anak-anak menjadi dewasa baru

kita sedar bahawa masa bersama mereka telah berlalu. Hargailah mereka ketika mereka masih berada di sisi kita.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mengingatkan bahawa orang yang benar-benar menyambung silaturahim bukanlah sekadar membalas hubungan yang baik, tetapi orang yang tetap menyambung hubungan walaupun hubungan itu diputuskan oleh pihak lain. Maka, jika ada hubungan yang renggang, jadilah orang yang memulakannya untuk memperbaiki.

Keempat: Tunaikanlah amanah sebelum terlambat.

Amanah bukan hanya berkaitan wang dan harta. Amanah merangkumi pekerjaan, keluarga, ilmu, jawatan, masa, kesihatan, janji dan tanggungjawab yang diberikan kepada kita. Seorang bapa mempunyai amanah terhadap keluarganya. Seorang ibu mempunyai amanah terhadap anak-anaknya. Seorang pekerja mempunyai amanah terhadap pekerjaannya. Seorang pemimpin mempunyai amanah terhadap orang yang dipimpinnya.

Terkadang kita sibuk mengejar sesuatu yang belum tentu menjadi milik kita sehingga kita mengabaikan amanah yang telah berada di tangan kita.

Kelima: Gunakanlah masa yang masih ada untuk melakukan kebaikan.

Kita tidak perlu menunggu kaya untuk bersedekah. Kita tidak perlu menunggu mempunyai banyak masa untuk membaca al-Quran. Kita tidak perlu menunggu menjadi sempurna untuk melakukan kebaikan.

Senyuman, membantu orang lain dan menyampaikan ilmu adalah kebaikan. Menjaga lidah daripada menyakiti orang lain adalah kebaikan bahkan membahagiakan keluarga juga merupakan kebaikan. Kadangkala kita terlalu memikirkan amal yang besar, sehingga kita terlupa bahawa amal yang kecil tetapi dilakukan dengan ikhlas dan istiqamah juga amat bernilai di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertanya kepada diri sendiri. Apakah solat kita sudah benar-benar kita jaga? Apakah hubungan kita dengan Allah *subhanahu wata'ala* semakin dekat atau semakin jauh? Apakah ibu bapa kita masih mendapat perhatian daripada kita? Apakah keluarga kita merasai kasih sayang kita? Apakah hutang dan amanah telah kita tunaikan? Apakah ada hati manusia yang masih terluka kerana perbuatan kita? Dan jika Allah memanggil kita pulang pada hari ini, adakah kita benar-benar bersedia?

Jangan kita takut kepada persoalan ini. Sebaliknya, jadikan ia sebagai sebab untuk kita berubah. Kita masih diberi peluang, masih bernafas, masih boleh bersujud dan masih boleh membaca al-Quran. Kita masih boleh meminta maaf, masih boleh memaafkan dan masih boleh berbuat baik. Maka jangan sia-siakan peluang yang masih ada. Tetapi jangan kita lupa, kita tidak pernah tahu berapa lama lagi waktu itu akan diberikan kepada kita.

Justeru, jangan tunggu esok, hari tua dan ketika ditimpa sakit. Jangan tunggu berlaku kehilangan dan datangnya ajal. Berubahlah

dan bertaubatlah sebelum terlambat. Berbuat baiklah dan perbaikilah hubungan sebelum terlambat. Persiapkanlah bekal sebelum kita terlambat untuk kembali. Daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* bahwa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda, maksudnya:

((*Manfaatkanlah lima perkara sebelum datang lima perkara: masa mudamu sebelum masa tuamu, waktu sihatmu sebelum datang sakitmu, masa kayamu sebelum datang kefakiranmu, masa luangmu sebelum datang masa sibukmu, dan masa hidupmu sebelum kematianmu.*))

(*Hadis riwayat Imam al-Hakim dalam al-Mustadrak*)

Kaum muslimin yang berbahagia,

Sebelum mengakhiri khutbah ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran:

Pertama: Kehidupan dan usia adalah amanah Allah *subhanahu wata'ala* yang akan dipersoalkan. Jangan mensia-siakan masa yang masih diberikan.

Kedua: Selagi pintu taubat masih terbuka dan kita masih diberi kesempatan, segeralah kembali kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga: Hargailah ibu bapa, pasangan, anak-anak, keluarga dan orang di sekeliling kita sebelum kehilangan mereka menjadi penyesalan.

Keempat: Tunaikanlah segala amanah, janji dan tanggungjawab yang berada di bawah kemampuan kita sebelum tiba saat kita tidak lagi mempunyai kesempatan.

Kelima: Mulakan perubahan dengan satu amal yang mampu dilakukan hari ini dan istiqamahlah dengannya. Jangan menunggu hari esok untuk menjadi hamba Allah *subhanahu wata'ala* yang lebih baik.

Marilah kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hasyr, ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ
إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ (١٨)

Maksudnya: *Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan melakukan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa-apa yang telah disediakan-Nya untuk hari esok (akhirat) dan (sekali lagi diingatkan) bertakwalah kepada Allah! Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui secara mendalam apa-apa yang kamu lakukan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Teruslah mengimarahkan masjid dan surau secara istiqamah dengan melaksanakan solat fardu berjemaah dan menghadiri majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu. Kukuhkanlah perpaduan dengan sikap hormat-menghormati dan saling bekerjasama sesama masyarakat. Usahakanlah rezeki yang halal lagi baik, agar hidup kita dirahmati dan diberkati. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Selamatkanlah diri dan keluarga kita daripada penyalahgunaan dadah, bahan inhalan dan ketum, perjudian serta segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلٰى اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Bantulah saudara-saudara kami yang memerlukan bantuan di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih. Ampunkanlah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu dan kemahiran yang bermanfaat kepada mereka, perteguhkanlah peribadi mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji. Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada para pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan terbilang dalam semua bidang yang diceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu. Kekalkanlah kesatuan kami dalam akidah, ibadah dan akhlak atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala wabak dan bala yang mengganggu kehidupan kami. Luaskan rezeki

kami dan berikanlah bantuan kepada kami untuk kami mengharungi kehidupan di dunia dan akhirat.

رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.